



# ORANG KL

Bagaimana Kota Membentuk Manusia

*gambar oleh  
Shahir Omar*

09595116  
RA (f)

BERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
BERDANA

# ORANG KL

Bagaimana Kota Membentuk Manusia

Gambar oleh  
*Shahir Omar*



Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Kuala Lumpur  
2016

PUSTAKA PERDANA



1014034

Buku **ORANG KL: Bagaimana Kota Membentuk Manusia** ini diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad dengan kerjasama Astro AWANI Network Sdn. Bhd.

Terbitan bersama oleh:

**ASTRO AWANI NETWORK SDN. BHD.**

1st Floor, Exchange Square Annexe  
Bukit Kewangan  
50200 Kuala Lumpur  
Malaysia

Tel.: 603-2070 2520 Faks: 603-2070 0554  
Laman Web: [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com)

dan

**INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA BERHAD**

(No. Syarikat: 276206-D)  
Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E  
Seksyen 10, Wangsa Maju  
53300 Kuala Lumpur  
Malaysia

Tel.: 603-4145 1800 Faks: 603-4142 0753  
E-mel: [publishing@itbm.com.my](mailto:publishing@itbm.com.my) Laman Web: [www.itbm.com.my](http://www.itbm.com.my)

Cetakan Pertama 2016

Penerbitan © Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad  
Teks dan foto © Astro Awani Network Sdn. Bhd.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E, Seksyen 10 Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Orang KL : Bagaimana Kota Membentuk Manusia / gambar oleh Shahir Omar

ISBN 978-967-460-314-4

1. City dwellers--Kuala Lumpur (Malaysia)--Social conditions.
  2. City and town life--Kuala Lumpur (Malaysia).
  3. Urbanization. 4. Sociology, Urban.
  5. Rural-urban migration. I. Shahir Omar
- 307.76

Kulit buku dan reka letak: DindaKanda Kreatif Sdn Bhd  
Fotografi: Shahir Omar. *Stock photo* 123RF

Dicetak di Malaysia oleh:

Attin Press Sdn. Bhd.  
No. 46, Jalan 2/108  
Kawasan Perindustrian  
Taman Salak Jaya, Salak Selatan  
57100 Kuala Lumpur

307.76 409595 116  
ORA (C)

# Kandungan

vii	<i>Kata awal</i>
1	Derita hati dia tanggung sendiri
10	Saya tidak serik di Kuala Lumpur
18	Mimpi KL jadi kota basikal
28	Jumpa kebebasan di Kuala Lumpur
36	Kuala Lumpur kota seni
44	Belajar daripada kemalangan
52	Demi cita-cita aku datang ke kota
60	Antara Caracas dan KL, kita jatuh cinta
70	Saya datang KL kerana cinta
78	Hidup ini tak pernah siap
88	Hutan pedalaman, hutan batu
96	Datang KL jangan malas
104	Sejarah Kuala Lumpur ada dalam tangannya. Kepada yang minat mahu meneroka, dia jadi tukang cerita.
112	Tidak boleh menyerah kalah
120	Jadi penulis di kota plural
128	Kota batu yang hilang hijau
137	<i>Biodata jurufoto</i>

“

*SINICIUS: Apakah sebuah kota kalau bukan orang-orangnya?*

*WARGA: Ya, manusia adalah kotanya.*

— Shakespeare, Coriolanus

”

SEPERTI apa – atau bagaimana rupanya – yang dinamakan orang KL? Kalau misalnya kita diminta menulis tentang orang Kuala Lumpur, apakah yang akan, atau boleh, kita catat tentang kumpulan manusia yang memilih menjadikan kota raya ini sebagai rumah mereka?

Siapakah sebenarnya orang KL?

Tidak semua warga kota ini tanah tumpah darahnya di Kuala Lumpur. Banyak yang merantau dengan alasan masing-masing. Mereka yang berhijrah ke Kuala Lumpur ini pulang ke kampung asal setiap kali musim cuti panjang tiba – dan kemudian, mereka kembali lagi ke kota. Mereka datang dan pergi, dan datang kembali. Apakah mereka ini sebenarnya bukan “pulang” ke kampung kerana tempat mereka sekarang sebenarnya sudah di kota?

Mereka ini ada yang datang hendak menyalakan harapan dan menggapai impian. Ada yang berjaya; ada pula yang sampai sekarang masih terus berusaha. Ada yang terjatuh dan tidak pernah bangun-bangun semula tetapi banyak juga yang tersungkur berkali-kali dan setiap kali itu mereka kembali tegak berdiri.

Ada yang menemukan cinta dan bahagia di Kuala Lumpur. Ada juga yang kehilangan cinta dan kecewa, merana atau putus asa. Ada yang datang mencari sesuatu. Ada juga yang lari daripada sesuatu. Ada yang berjumpa dengan diri sendiri tetapi banyak juga yang lupa diri.

Kota besar seperti Kuala Lumpur – sama seperti kota-kota lain di belahan dunia mana pun – bukan saja dibentuk oleh manusia yang menghuninya tetapi membangunkan watak warganya untuk jadi apa dan jadi siapa. Buku foto *Orang KL* ini adalah satu usaha untuk melihat bagaimana sebuah kota membentuk manusianya.

Sepuluh wartawan ASTRO Awani mendekati warga Kuala Lumpur dan bertanya apa yang mereka suka atau tidak suka tentang kota ini; apa yang mereka pelajari tentang hidup atau diri sendiri selama bersahabat – atau bermusuh – dengan kota ini; apakah masa lalu yang selalu mereka kenang atau masa depan yang mereka impikan. Ini bukan usaha mencari romantisme atau idealisme daripada sebuah kota tetapi lebih mahu memahami watak-watak manusianya.

Jurufoto Shahir Omar pula diminta untuk merakamkan sebanyak mungkin potret Kuala Lumpur – yang riuh, yang sepi, yang lusuh, yang berwarna-warni. Jurufoto muda dan berbakat ini cuba sedaya upaya mengangkat wajah Kuala Lumpur yang jarang kita berikan perhatian; sisi lain yang hampir terlepas dari sorot mata kita dan hampir tidak ada dalam pamflet pelancongan.

Moga pengalaman-pengalaman yang terakam dalam buku ini menjadi cermin untuk kita melihat diri sendiri. Moga juga foto-foto ini lebih mendekatkan kita dengan rupa dan wajah Kuala Lumpur. Moga-moganya begitulah.



MASYARAKAT sebenarnya perlu meluangkan masa mereka bersama kami iaitu orang kurang upaya terutama mereka yang ada masalah organ hati seperti saya. Saya perlukan sesiapa sahaja yang boleh membantu saya dari segi kewangan untuk beberapa tahun, sehingga saya boleh berdiri sendiri. Jika saya tidak mampu, saya mungkin akan tinggal di rumah orang-orang tua. Namun, rumah orang-orang tua adalah untuk mereka 60 tahun ke atas.



# hihihi...

SETIAP pagi saya akan berkelakuan "hihihi" seperti seorang badut. Di hadapan orang, anda akan menunjukkan betapa bahagianya anda namun sebenarnya anda sangat sedih, seperti Shakespeare, yang bersusah payah untuk menyembunyikan tangisan. Walaupun jarak antara rumah saya dan halaman di hadapan dekat, tetapi bagi saya yang sakit kaki ia seperti satu kilometer. Sakit yang amat di bahagian kaki, terutama apabila saya meletakkannya di lantai.

SEMUA barang semakin mahal. Saya sangat risau, kerana saya perlu membayar bil motosikal saya. Tongkat saya pun sudah rosak. Saya hanya membalutnya untuk membetulkannya semula kerana tongkat yang baru berharga dalam RM70. Makanan pun mahal, saya tidak mampu. Kalau awak tengok peti sejuk saya, tiada apa-apa pun selain air dan herba-herba yang didermakan oleh orang lain. Dulu saya selalu makan di

luar, namun kini tidak lagi kerana semuanya mahal. Ikan kembung yang kecil pun harga RM4. Sepinggian nasi pun RM2. Apa lagi yang boleh dimakan? Paling murah pun roti canai, RM1. Harga capati pun sekarang RM2. Dari segi harga pengangkutan, bayangkan dari rumah saya ke klinik yang terdekat, tambangnya RM12.

BANYAK yang jadi kepada saya. Saya jatuh motosikal tiada siapa yang tolong. Sangat sukar untuk saya membonceng motosikal, terutama di Kuala Lumpur ini banyak sangat jalan berlubang yang kita tidak sangka-sangka. Ada sekali saya jatuh, habis kaki saya yang sedia ada dibalut ini, berdarah tanpa henti. Kalau awak tengok, sebab itu kaki saya dibalut dengan tebal. Saya rasa saya tidak boleh lagi bertahan dengan lamanya. Bila sakit badan, kadang-kadang kita perlukan seseorang untuk mengurut kita. Namun, saya tidak ada siapa-siapa sekarang ini. Lihat surat sakit yang diberikan doktor ini, ada tertulis "Anak-anak pesakit ini tidak mahu melawatnya



Jiran saya pun tahu hal ini. Setiap pagi saya akan "melompat-lompat" dengan tongkat untuk memasak air. Kadang-kadang sakit juga terkena percikan air panas. Untuk ke tandas pun susah.

TANGISAN saya tidak boleh disorok apabila berjumpa doktor. Saya tidak boleh lagi menahan kesakitan. Doktor saya sangat baik. Beliau ada kemahiran yang sangat tinggi. Namun, untuk melakukan pembedahan yang baik, perlu wang yang "baik" juga.

ADA juga doktor tanya saya kenapa tidak potong saja kaki ini, memandangkan masalah tulang saya sudah sampai ke bahagian lutut, dan ia akan memberi kesan kepada organ hati. Saya harap Kementerian Pertahanan akan membantu saya dengan meluluskan bantuan RM156,000 untuk masalah organ hati dan lain-lain kesihatan.

kerana pesakit telah bercerai dan berpisah dengan isterinya. Selepas satu minggu memeriksanya, keadaannya memilukan.

Saya bimbang sekiranya dia terpaksa melalui kehidupan dengan kemurungan yang tidak dirawat." Banyak masalah berlaku di Kuala Lumpur ini, terutama di kawasan tempat tinggal saya ini. Orang menderita dengan masalah, namun orang hanya tutup mata sahaja.

BELANJA bulanan sangat merisaukan saya. Ubat-ubatan semakin mahal. Saya hanya berserah sahaja, untuk menghadapi semua masalah ini. Banyak benda perlu diuruskan. Saya tidak lagi boleh pinjam dengan Ah Long. Kadang-kadang mereka hubungi saya untuk minta saya segerakan pembayaran hutang. Saya sangat risau jikalau mereka secara tiba-tiba sergah rumah saya dan minta wang. Saya tidak tahu berapa lama lagi saya boleh mengharunginya. Kalau saya meninggal dunia, saya mahu meninggal dengan tenang.

SAYA kurang tidur sejak tiga tahun lalu. Saya menangis siang malam kerana sakit yang amat sangat.



UMUM

ISBN 978-967-460-314-4



9 789674 603144

[www.itbm.com.my](http://www.itbm.com.my)

Sem. Malaysia RM60.00  
Sabah/Sarawak RM65.00



**ITBM**

Institut Terjemahan & Buku Malaysia



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA